



Promosi semangat perpaduan melalui kebersamaan dalam sukan - Hannah Yeoh

Oleh Zanariah Abd Mutalib dan Ahmad Suhael Adnan - Julai 15, 2023 @ 6:34pm
bhnews@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Kejayaan atlet negara pada temasya sukan antarabangsa dilihat antara elemen penting dalam mewujudkan dan memperkukuh perpaduan antara masyarakat berbilang kaum dan agama di Malaysia.

Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh, berkata rakyat Malaysia dilihat mengetepikan perbezaan ketika meraikan kejayaan atlet negara dalam semua jenis sukan, khususnya ketika lagu Negaraku dinyanyikan dan Jalur Gemilang dikibarkan.

Sehubungan itu, beliau yakin platform sukan perlu dipromosikan di semua lokasi di negara ini dan memastikan akses kepada semua golongan rakyat untuk mengambil bahagian dalam acara yang dianjurkan.

"Menariknya dalam sukan, selalu kita lihat apabila ada pertandingan dan selepas setiap kali ada pemenang, Negaraku dimainkan dan Jalur Gemilang membaluti bahu.

"Pada masa itu, setiap orang yang melihat atlet dapat merasakan ia adalah sebahagian daripada kita.

"Saat itu sangat penting untuk kita mengingati bahawa kita semua adalah rakyat Malaysia.

"Ketika kita sambut atlet pulang macam atlet para selepas Paralimpik, kita melihat mereka sebagai wakil Malaysia, kita tak lihat kaum.

"Bila kita menyambut kejayaan mereka, kita akan lihat ini rakyat Malaysia dan itu yang penting. Platform sukan itu penting dalam mengingatkan kita semua sama," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjadi panel program bual bicara khas Suara Rakyat sempena sambutan Hari Kebangsaan, bertemakan 'Malaysia MADANI: Tekad Perpaduan, Penuhi Harapan' yang disiarkan di TV3, semalam.

Panel lain ialah Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri; Menteri Komunikasi dan Digital, Fahmi Fadzil; dan Menteri Sumber Manusia, V Sivakumar.

Rancangan itu dihoskan Mior Abdul Malek Raiyani dan Azaria Tagaya.

Yeoh berkata, kerajaan giat mempromosi perpaduan menerusi sukan melalui penyaluran geran padanan berjumlah RM40 juta untuk persatuan sukan menganjurkan pertandingan sukan yang boleh menyatu padukan rakyat, di samping meningkatkan prestasi atlet.

Ahli Parlimen Segambut itu berkata, antara pertimbangan dalam meluluskan permohonan geran itu adalah sama ada acara sukan yang dianjurkan berpotensi menghimpunkan masyarakat untuk bersatu padu dan bersukan.

"Untuk belia, baru-baru ini Perdana Menteri melancarkan Rakan Muda dengan nafas baharu untuk belia berusia 15 hingga 30 tahun, yang akan terbabit dengan aktiviti luar bagi memastikan anak-anak pelbagai segmen pendidikan boleh keluar dan mempunyai aktiviti bersama.

"Anak-anak sekolah vernakular seperti sekolah Cina, sekolah Tamil, sekolah kebangsaan, sekolah tahfiz semua boleh keluar dan melakukan aktiviti bersama, itu yang kita dorongkan untuk mereka," katanya.

Sementara itu, Sivakumar menggesa semua pihak tidak menimbulkan kebencian antara kaum, dengan menyifatkan kemajmukan masyarakat berbeza kaum, agama, bahasa dan budaya dan hidup secara harmoni sebagai khazanah bernilai Malaysia.

Katanya, Malaysia berisiko menuju kehancuran sekiranya perpaduan antara kaum tidak dipelihara, dengan menjadikan beberapa insiden hitam membabitkan isu kaum sebelum ini sebagai pengajaran.

"Ini penting sebab kita tahu insiden pernah berlaku di negara kita kerana kebencian antara kaum, yang mana beberapa insiden masih dalam ingatan dan kita tidak mahu melihat perkara sedemikian berlaku lagi dalam negara kita," katanya.

Mengenai memori menyambut ulang tahun kemerdekaan negara, Sivakumar mengimbau keterujaan menonton perbarisan di televisyen secara hitam putih ketika zaman kanak-kanaknya.

Ahli Parlimen Batu Gajah itu juga berkongsi memori terpilih menyertai perbarisan sempena sambutan kemerdekaan bagi mewakili sekolahnya ketika Tingkatan Tiga.

Saya menjalani semua latihan dan bersiap sedia mengambil bahagian dalam perbarisan itu, tetapi malangnya pada Hari Kebangsaan saya demam dan tidak dapat mengambil bahagian.

"Memang kecewa dan sedih tetapi saya mendapat peluang untuk tahun seterusnya," katanya.